

AUKU (AKTA 30): MANSUH ATAU PINDAAN SECARA BERPERINGKAT?

Oleh Prof. Dato' Dr. Morshidi Sirat

Penasihat

Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Dasar Pendidikan Tinggi Malaysia (PenDaPaT)

Sejarah perkembangan universiti di Malaysia begitu singkat. Namun begitu ia tetap menarik dari sudut bentuk hubungan kerajaan dengan universiti. Akta yang diperkenalkan seolah-olah kerajaan mahu universiti terus bergantung kepadanya agar tradisi hubungan tuan-hamba (master-servant), kerajaan sebagai tuan dan universiti sebagai hamba atau agen diteruskan. Universiti awam yang pada asalnya berperanan berdasarkan model mentadbir sendiri beransur-ansur hilang autonominya.

Umum maklum para akademik dan pelajar serta orang awam menunding jari kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) yang menjadikan universiti hambar. Setelah hampir enam dekad, apakah sudah tiba masanya untuk memansuhkan AUKU atau apakah akta ini masih relevan untuk memantapan sistem pendidikan tinggi negara kini dan masa akan datang?

Instrumen kawalan

AUKU 1971 adalah permulaan kepada model kawalan kerajaan terhadap aktiviti dalam kampus, khususnya gaya hidup pelajar universiti dan kebebasan para akademik dalam menjalankan penyelidikan dan melontarkan pendapat dan komentar.

Dalam tahun 1990-an, sistem pendidikan melalui suatu proses penstrukturan dan pembaharuan. Selain AUKU, beberapa akta lain telah diperkenalkan bertujuan menyesuaikan perkembangan pendidikan tinggi di Malaysia dengan perubahan global.

Intipati pembaharuan bermula di pertengahan 1990-an ini bertujuan memakna semula bentuk hubungan kerajaan dengan universiti dalam konteks pasaran dan budaya korporat. Proses penstrukturan dalam sistem pendidikan tinggi negara ini telah menghakiskan lagi autonomi institusi universiti dari aspek substantif.

Peng korporatan universiti awam yang bermula pada tahun 1998 pada teorinya boleh melebarkan autonomi universiti tetapi hakikatnya autonomi yang diberikan kepada universiti awam lebih kepada autonomi bersifat prosedural. Ini kerana, kerajaan bukan sahaja ingin mempertahankan kepentingannya dalam pendidikan tinggi, malah mahu mengekalkan kawalan ke atas pendidikan tinggi melalui perundangan yang memperkenalkan budaya bisnes dan korporat bagi tujuan meningkatkan kecekapan.

Pelbagai respon kepada autonomi

Meskipun setelah bermulanya pengkorporatan universiti awam pada tahun 1998 dan diberi autonomi bermula 2012, terdapat universiti awam yang lebih rela dikawal selia oleh kementerian. **Mencari sumber kewangan sendiri untuk keperluan universiti selain dari peruntukan yang disediakan kerajaan terlalu membebankan universiti yang sedang membangun. Universiti awam yang sudah menjangkau usia matang yang berani dan bersedia menyahut cabaran, terikat pula dengan kementerian secara paksa-rela.** Dalam hal seperti kewangan, sistem governan, dan pembangunan pelajar hubungan kerajaan-universiti awam masih memperlihatkan bentuk hubungan tuan-hamba. Ahli akademik berpandangan autonomi dan status tadbir sendiri akan meningkatkan kecemerlangan universiti awam. Rujukan hubungan positif autonomi dengan kecemerlangan universiti sentiasa mengingatkan keadaan di Barat.

AUKU dan Pindaan sebelum ini

Akta ini telah pun dipinda beberapa kali sepanjang kewujudannya. Pindaan terakhir pada 2012, selain menghuraikan kuasa dan tanggungjawab Ketua Pengarah membabitkan terdapat dua bahagian utama berkaitan universiti ia itu, (i) tadbir urus universiti yang menyentuh mengenai fungsi dan kuasa Menteri, kuasa-kuasa universiti, pewujudan Ketua Kampus Cawangan, Komposisi dan kuasa Lembaga Jawatankuasa Pengurusan Universiti, Senat dan lain-lain yang berkaitan, dan (ii) pengurusan kebajikan dan tatatertib pelajar

Pandangan terhadap kuasa Menteri

Ahli akademik melihat perluasan kuasa Menteri dalam pelantikan pengurusan tertinggi universiti dan ahli Lembaga Pengarah universiti seperti termaktub dalam AUKU sebagai punca utama penularan perkiraan politik dalam pengurusan universiti. Hakikatnya, walaupun pemilihan naib cancellor universiti awam dibuat setelah beberapa proses penyenaraian calon oleh beberapa pihak, disusuli dengan prestasi calon dalam profiling AKEPT dan temuduga oleh Jawatankuasa Khas Pemilihan, ahli akademik masih bertegas pemilihan ini dibuat di luar universiti dan mereka mahu kuasa memilih dan melantik dipulangkan ke universiti untuk menyahkan unsur politik dalam keputusan akhir. Jawatankuasa Pemilihan hanya menyenarai pendek calon naib cancellor. Menteri ada pilihan untuk terima saranan atau tidak. Ini alasan utama untuk ahli akademik menuntut agar AUKU dimansuhkan. **Sebenarnya yang ingin ditiadakan ialah kuasa Menteri untuk melantik naib cancellor dan pegawai tertinggi universiti. Akan tetapi yang kerap dituntut dan dilaporkan adalah pemansuhan AUKU.**

Anti AUKU

Pelajar mendakwa AUKU mencengkam aktiviti mereka. Peka kepada hal ini, pindaan telah dibuat pada tahun 2012 untuk membolehkan pelajar berpolitik dan menyertai politik kepartian di luar universiti. Walaupun sudah diberi kemudahan ini, pelajar terus mendakwa aktiviti mereka masih dikawal dengan begitu ketat melalui pelbagai arahan kementerian yang seterusnya dilaksanakan oleh pihak universiti. Ini adalah alasan pelajar mengapa AUKU perlu dimansuhkan. **Sekali lagi, hanya artikel yang berkaitan dengan aktiviti pelajar yang perlu ditiada jika benar artikel ini mencengkam pelajar hingga mereka menjadi moyok. Bukanlah seluruh AUKU itu perlu dimansuhkan.**

Dari sudut roh dan matlamat, AUKU Pindaan 2012 khususnya berkaitan dengan penglibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti di luar universiti sudah memadai, hanya pelaksanaannya mungkin perlu dilihat semula. Di sebalik pindaan ini adalah satu pandangan bahawa universiti adalah suatu “sanctuary”, dan aktiviti berpolitik dalam kampus boleh mengancam keharmonian dalam kampus.

Anti AUKU dalam kalangan pelajar timbul kerana universiti telah mematuhi arahan kementerian secara ketat, untuk mengawal dan bukan untuk memudahkan aktiviti pelajar. Pihak universiti pula memberi alasan mereka akan mendapat teguran dari pihak-pihak tertentu jika tidak mengetatkan kawalan terhadap aktiviti politik pelajar.

Kawalan universiti ke atas para akademik juga didakwa terlalu menekan. Realitinya, keadaan ini berbeza-beza antara universiti. Lazimnya hasrat arahan dari kementerian itu murni, tetapi pelaksanaannya di peringkat universiti sama ada terlalu lentur atau terlalu ketat dan *regimented*. Tidak kurang juga para akademik sendiri yang mengamalkan “self-censorship” tetapi menyalahkan pihak universiti di atas reaksi mereka.

Pemansuhan atau Pindaan

Pemansuhan AUKU secara mendadak mungkin boleh menyebabkan sistem pendidikan tinggi mengalami proses ubah suai yang tergesa-gesa dan ini boleh memudarat perjalanan dan perkembangan universiti awam yang sudah memperlihatkan kecemerlangan di peringkat nasional dan global. Pilihan yang lebih praktikal ialah meminda AUKU dengan meniadakan dua artikel yang berkaitan dengan pelantikan pegurusan tertinggi universiti dan kebajikan serta tata tertib pelajar sebagai keutamaan. Ini akan secara langsung menyahkan perkiraan dan pertimbangan politik dalam pemilihan pengurusan tertinggi dan governans universiti awam seperti yang didakwa para akademik dan pelajar.

Dalam masa yang sama perlu diwujudkan badan atau agensi (contoh, Suruhanjaya Pendidikan Tinggi) yang boleh memainkan peranan “memantau dari jauh” perjalanan universiti awam. Tentu sekali pemerintah ingin tahap akauntabiliti

yang tinggi dari universiti awam yang menerima peruntukan kerajaan. Malah amat sukar bagi Menteri sekali pun untuk menyakinkan birokrasi agar universiti awam diberi autonomi sepenuhnya. Yang menjadi hambatan dari segi realiti ialah aspek autonomi kewangan.

Ada beberapa artikel yang berkaitan dengan penubuhan, pemantau sistem pendidikan universiti awam keseluruhannya di bawah tanggungjawab dan kuasa Ketua Pengarah masih diperlukan. Akan tetapi, kuasa ini adalah dari sudut seliaan dan perundangan bukan berkaitan pelantikan pengurusan tertinggi atau mengenakan tindakan tatatertib ke atas pelajar.

Dalam jangka masa panjang tugas kementerian akan diambil alih Suruhanjaya Pendidikan Tinggi khususnya aspek penubuhan universiti dan pemantau sistem pendidikan tinggi. Tanggungjawab serta peranan lain perlu diserahkan kepada universiti. Majoriti universiti awam telah mendapat status autonomi dan ini melayakkan mereka mentadbir sendiri universiti.

Cadangan pemansuhan AUKU secara berperingkat dan penubuhan suruhanjaya ini terkandung dalam Memorandum Cadangan Menambahbaik dan Reformasi Berkaitan Pendidikan Tinggi Negara oleh Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Dasar Pendidikan Tinggi Malaysia (PenDaPaT) kepada Menteri Pendidikan Malaysia, Yang Berhormat Dr. Maszlee Malik baru-baru ini.

Selain Menyantuni pemansuhan AUKU, lapan lagi isu utama ialah Memperteguh Kelestarian Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN); Memperkukuh Governan Agensi Kepemimpinan Pendidikan Tinggi; Mengembalikan Ekosistem dan Budaya Akademik Tulen Berasaskan Kecemerlangan. Isu lain termasuk Penilaian Semula Skim Perkhidmatan Ahli Akademik; Mengimbangi Sistem Penarafan Ranking Universiti dengan Etika Akademik; Menjamin Graduan Pascasiswazah Berkualiti, Mengembalikan Peranan Asal Ahli Akademik dan Menggunakan Data Empirikal Sebelum Membangunkan Dasar dan Polisi.

Teks asal artikel yang telah disiarkan dalam Varsiti, Berita Harian pada 14 dan 28 Jun 2018. Mohon semak ketika membaca kerana ada beberapa perbezaan gaya bahasa (tanpa mengubah maksud sebenar) dalam versi yang diterbitkan.